

# PM anggap manifesto Gagasan Rakyat pelik

UM 18 OCT 1990

KUANTAN 17 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata konsep berbelanja dengan banyak sebaliknya mengurangkan kutipan cukai seperti yang terkandung dalam manifesto Gagasan Rakyat adalah sesuatu yang cukup pelik, ganjil serta *magic*.

Katanya, konsep itu menyebabkan hampir \$3,000 juta akan dibelanja atau tidak dapat dipungut oleh kerajaan setiap tahun.

Beliau berkata konsep seumpama itu hanya dapat dilaksana sama ada dengan meminjam wang dari orang asing atau membuka kilang yang besar untuk mencetak wang dengan banyak supaya dapat diagihkan kepada rakyat.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, melalui cara pertama, wang yang dipinjam itu akan habis dibelanjakan tetapi hutang tidak dapat dibayar dan kerajaan terpaksa meminjam lagi wang semata-mata untuk membayar hutang lama.

Beliau berkata akhirnya negara ini akan menjadi muflis kerana berhutang terlalu banyak seperti Brazil, Peru dan Argentina yang terpaksa mengikut telunjuk bank-bank yang memberi pinjaman.

Katanya, Gagasan Rakyat boleh menggunakan cara kedua untuk mengagihkah wang yang banyak kepada rakyat tetapi akhirnya nilai mata wang

ringgit akan jatuh seperti rupiah dan negara akar menghadapi masalah inflasi yang teruk.

Beliau menjelaskan kadar inflasi di Malaysia hanya dua hingga tiga peratus setahun berbanding 20,000 peratus yang dialami di sesetengah negara yang tidak mengawal perbelanjaan mereka.

Perdana Menteri berkata demikian semasa mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta agensi-agensi kerajaan di Dewan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) di sini, hari ini.

Beliau berkata sebaliknya kerajaan Barisan Nasional (BN) mahu rakyat menikmati peningkatan pendapatan lebih tinggi daripada kenaikan harga barang-barang.

Untuk mencapai matlamat ini, beliau berkata kerajaan mestilah pandai menguruskan pentadbiran kewangan serta hal ehwal negara ini.

Terdahulu dari itu, Perdana Menteri menasihatkan pegawai serta kakitangan kerajaan supaya menjalin hubungan yang baik dengan golongan pembuat dasar iaitu ahli-ahli politik mengikut lunas-lunas demokrasi.

Katanya, hubungan yang baik tidak akan menimbulkan masalah selagi pegawai serta kakitangan kerajaan sebagai pentadbir yang melaksanakan mematuhi arahan menteri selaku pembuat dasar.